

NAMA :

- 21 Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan telur di sebuah ladang. Bilangan telur puyuh tidak ditunjukkan.

Jenis telur	Bilangan telur
Telur ayam	427 089
Telur itik	142 016
Telur puyuh	
Jumlah	800 000

Jadual 1

Hitung bilangan telur puyuh di ladang itu.

- A 657 984 C 372 911
B 569 105 D 230 895




- 22 $729\,118 - ☆ - 645 = 516\,870$

Cari nilai anu.

- A 211 603 C 212 603
B 211 663 D 212 663



- 23 Rajah 4 di bawah menunjukkan kedudukan makanan di atas meja.



Rajah 4

Huruf A hingga F berada pada paksi

- A lurus C tidak sekata



B mengufuk

D mencancang

- 24** Rajah 5 menunjukkan harga sebuah beg tangan



Rajah 5

Fariza membayar beg tangan dengan wang RM500. Berapakah baki wangnya?.

A RM110.00

C RM210.00

B RM150.00

D RM250.00

- 25** Antara berikut, yang manakah hasil darabnya bernilai antara 45 000 dengan 50 000?

A 60×860

C 80×510

B 70×620

D 90×540

- 26** Jadual 2 yang tidak lengkap di bawah menunjukkan bilangan halaman buku yang dibaca oleh dua orang murid, Andy dan Ramli.

Murid	Bilangan halaman
Andy	178
Ramli	

Jadual 2

Jumlah bilangan halaman buku yang dibaca oleh mereka ialah 381. Cari bilangan halaman buku yang dibaca oleh Ramli.

A 52

C 203

B 153

D 331

- 27** Kotak **Q** mempunyai 11 320 biji manik. Bilangan manik di dalam kotak **R** adalah 8 106 biji lebih daripada kotak **Q**. Kotak **S** mempunyai 724 biji manik lebih daripada kotak **R**. Hitung bilangan manik di dalam kotak **S**.

A 19 426

C 39 576

B 20 150

D 50 898

- 28** Sebuah syarikat percetakan telah mencetak 210 940 keping kad ucapan. Bilangan kad ucapan itu melebihi bilangan kad gambar sebanyak 5 860 keping. Berapakah bilangan kad gambar yang dicetak?

A 152 230

C 216 800

B 205 080

D 269 540



- 29** Sejumlah biskut diisikan secara sama banyak ke dalam 7 565 buah bekas dengan setiap bekas mengandungi 55 biji biskut. Cari jumlah bilangan biskut itu.

A 37 825

C 337 805

B 416 075

D 418 000



- 30** Jadual 3 di bawah menunjukkan bilangan sapu tangan yang berlainan warna yang dihasilkan oleh sebuah kilang.

Warna	Bilangan sapu tangan
Kuning	106 850
Merah	50 120
Biru	350 helai kurang daripada sapu tangan merah

Jadual 3

Berapakah lebihnya bilangan sapu tangan kuning daripada bilangan sapu tangan biru?

A 49 770


C 57 080

B 56 730

D 91 727



- 31** Rajah 6 di bawah menunjukkan bilangan tin susu di dalam sebuah kotak.



Rajah 6

Pasar raya **P** ada 3 760 kotak tin susu itu manakala pasar raya **Q** ada 3 kali bilangan kotak tin susu pasar raya **P**. Cari jumlah bilangan tin susu di pasar raya **Q**.

A 101 520

C 541 440

B 270 720

D 812 160



- 32** Jadual 4 di bawah menunjukkan bilangan kenderaan yang melalui sebuah tol di lebuh raya dalam suatu tempoh masa tertentu.

Jenis kenderaan	Bilangan kenderaan
Kereta	47 086
Trak	
Jumlah	50 000

Jadual 4

Cari bilangan trak yang melalui tol itu?

A 2 914


C 17 024

B 7 086

D 97 086



- 33.** Rajah 7 di bawah menunjukkan suatu corak segitiga.



Rajah 7

Hasil tambah nombor setiap sisi segi tiga itu adalah sama. Berapakah hasil tambah **K** dan **L**?

A 390 155

C 347 423

B 364 490

D 345 133



- 34** Bilangan guli yang dimiliki oleh Aziz adalah antara 20 dan 30 biji. Jika dia memasukkan 5 biji guli ke dalam setiap kotak, dia masih tinggal 3 biji guli. Jika dia memasukkan 3 biji guli ke dalam setiap kotak, dia kekurangan 1 biji guli lagi.

Cari bilangan guli yang dimiliki oleh Aziz.

- A 21 C 28
B 23 D 29

- 35 Seorang pemborong mengimport 45 060 biji buah kiwi. 24 biji buah kiwi dimasukkan ke dalam setiap kotak dan baki buah kiwi itu dimasukkan dua-dua ke dalam beg plastik. Berapa beg plastik buah kiwih yang diperoleh pemborong itu?

- A 4 C 12
B 6 D 1 877

- 36 Seramai 19 581 orang menyaksikan suatu perarakan kereta berhias. 6 724 orang daripadanya ialah kanak-kanak dan selebihnya ialah orang dewasa. Hitung beza antara bilangan kanak-kanak dengan bilangan orang dewasa yang menyaksikan perarakan itu.

- A 12 857 C 6 133
B 12 785 D 6 033

- 37 Jadual 5 di bawah menunjukkan bilangan baju yang dihasilkan oleh dua buah kilang, K dan L , dalam masa seminggu.

Kilang	Bilangan baju
K	21 080
L	3 205 helai kurang daripada kilang K

Jadual 5

Hitung bilangan baju yang dihasilkan oleh kilang L .

- A 17 875 C 18 285
B 17 885 D 24 285

